



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

JADUAL WAKTU

PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

TAHUN 2009

ARAHAN AM

- Masa yang dibenarkan bagi sesuatu kertas adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam petak bersetentangan dengan nama kertas berkenaan. **MASA TAMBAHAN TIDAK DIBENARKAN.** Masa untuk membaca soalan adalah termasuk dalam masa yang dinyatakan bagi kertas berkenaan.
- Anda diminta membaca **ARAHAN KEPADA CALON, AMARAN,** dan **PERINGATAN** yang diberikan dalam Jadual Waktu peperiksaan ini.
- Anda **tidak** dibenarkan membawa Jadual Waktu ini ke dalam dewan/bilik peperiksaan. Sila lengkapkan maklumat pada keratan **PENGAKUAN OLEH CALON** dan potong keratan tersebut untuk diserahkan kepada Ketua Pengawas pada hari pertama peperiksaan anda.
- Semua calon yang mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dinasihati supaya berpakaian kemas dan sesuai (calon sekolah memakai pakaian seragam sekolah), dan sentiasa mengikut tata tertib di dalam dewan/bilik peperiksaan.
- Calon yang ingin keluar awal **tidak** dibenarkan keluar dalam tempoh 30 minit selepas peperiksaan bermula dan dalam tempoh 30 minit sebelum peperiksaan tamat.

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

Bangunan MPM, Persiaran 1
Bandar Baru Selayang
68100 BATU CAVES
Selangor Darul Ehsan

ARAHAN KEPADA CALON

- 1 Anda hendaklah berada di tempat duduk di dalam dewan/bilik peperiksaan **lima belas minit sebelum peperiksaan bermula** bagi tiap-tiap kertas.
- 2 Anda dikehendaki meletakkan **kad pengenalan** dan **Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC/1 atau LPKC/2)** anda di atas meja sepanjang masa peperiksaan dijalankan. Anda mungkin **tidak** dibenarkan mengambil peperiksaan sekiranya anda **tidak** membawa kedua-dua dokumen ini.
- 3 Anda hendaklah memberitahu Pengawas dengan **serta-merta** jika
 - (a) anda diberi kertas soalan bagi sesuatu kertas yang **tidak** anda ambil, atau
 - (b) anda diberi kertas soalan yang lain daripada yang dijadualkan bagi waktu peperiksaan berkenaan.
- 4 Anda hendaklah menulis nombor kad pengenalan, angka giliran, kod dan nama kertas, dan tahun peperiksaan dengan jelas dalam ruang yang disediakan pada helaian pertama kertas jawapan anda. Pada helaian-helaian kertas jawapan yang berikutnya dan pada peta, kertas graf, dan sebagainya, tulis nombor kad pengenalan, nombor pusat, dan angka giliran sahaja.
- 5 Tulis jawapan anda dengan menggunakan pena mata bola berdakwat **hitam** atau **biru** pada kedua-dua belah halaman kertas jawapan **melainkan** jika terdapat arahan pada kertas soalan yang melarang anda berbuat demikian. Pensel berwarna atau pena mata bola berwarna lain hanya boleh digunakan untuk melukis gambar rajah dan peta sahaja.
- 6 Untuk menjawab soalan-soalan jenis aneka pilihan, hanya pensel **2B** yang boleh digunakan.
- 7 Anda hendaklah membawa sendiri alat matematik dan alat lukisan bagi mata pelajaran yang memerlukannya.
- 8 Apabila anda diarahkan berhenti menulis, susun dan ikat semua kertas jawapan anda dengan kemas mengikut tertib nombor soalan yang dijawab. Anda hendaklah duduk di tempat anda sehingga dibenarkan keluar oleh Ketua Pengawas.
- 9 Sila ambil **perhatian** bahawa:
 - (a) Anda **tidak dibenarkan** melipat kertas tulis yang dibekalkan untuk mengelakkan anda daripada disyaki membawa masuk kertas tulis. Jika anda menerima kertas tulis yang mempunyai kesan lipatan, serahkan semula kertas itu kepada Pengawas.
 - (b) Anda **tidak dibenarkan** membawa keluar kertas tulis sama ada yang telah atau yang belum digunakan dari dewan/bilik peperiksaan.
 - (c) Anda **tidak dibenarkan** sama sekali merokok di dalam dewan/bilik peperiksaan.
- 10 Jika anda dibekali *Sifir Matematik Permulaan Cambridge; Tatatanda, Takrif, dan Rumus Matematik (Mathematical Notation, Definitions, and Formulae)*, dan *Buku Data (Data Booklet)*, anda hendaklah mengembalikannya kepada Pengawas selepas tamat peperiksaan bagi kertas berkenaan. *Sifir Matematik Permulaan Cambridge* **akan hanya dibekalkan apabila anda memintanya daripada Ketua Pengawas.**
- 11 Kalkulator elektronik yang senyap dan tidak boleh diprogram sahaja yang boleh digunakan dalam peperiksaan STPM **kecuali** soalan tertentu tidak membenarkan penggunaannya. Walau bagaimanapun, Pengawas pusat peperiksaan **tidak** bertanggungjawab menyediakan punca kuasa untuk kalkulator. Bahan lain yang berkaitan dengan kalkulator tersebut, seperti katalog kalkulator atau manual penggunaan kalkulator, **tidak** dibenarkan dibawa masuk ke dalam dewan/bilik peperiksaan.

- 12 Alat seperti telefon bimbit, kamera, radio, perakam suara, dan apa-apa peranti elektronik berkeupayaan *bluetooth/wifi* **tidak** boleh dibawa masuk ke dalam dewan/bilik peperiksaan **kecuali** yang dibenarkan oleh Ketua Pengawas.
- 13 Jika anda terlibat dengan **pertembungan** jadual waktu bagi mana-mana kertas pada sesuatu masa, sila dapatkan keterangan lanjut daripada Ketua Pengawas. Anda akan diberitahu tentang bila waktu peperiksaan bagi kertas yang bertembung itu akan diadakan.

AMARAN

Anda diberi amaran supaya:

- (a) **Jangan** membawa atau menerima daripada sesiapa sahaja, apa-apa buku, nota, kertas, dokumen, gambar, atau apa-apa peranti lain, **kecuali** apa yang dibenarkan oleh Ketua Pengawas peperiksaan;
- (b) **Jangan** berhubung dengan mana-mana calon lain atau mana-mana orang semasa peperiksaan berlangsung, walau dengan apa cara sekalipun, **kecuali** dengan kebenaran Pengawas;
- (c) **Jangan** melanggar atau tidak mematuhi apa-apa arahan Majlis Peperiksaan Malaysia, Ketua Pengawas atau Pengawas;
- (d) **Jangan** mengganggu ketenteraman atau melakukan kekacauan di dalam atau di sekitar dewan/bilik peperiksaan;
- (e) **Jangan** bersubahat dengan seorang lain dengan tujuan untuk menipu;
- (f) **Jangan** mewakilkan orang lain menduduki peperiksaan ini untuk diri anda;
- (g) **Jangan** menipu atau cuba menipu, atau berkelakuan dengan cara yang boleh dianggap sebagai menipu, atau cuba menipu untuk tujuan peperiksaan ini.

PERHATIAN: Jika anda melanggar mana-mana amaran di atas sama ada dengan cara disedari atau tidak disedari, maka anda diingatkan bahawa anda akan didakwa di bawah kaedah 3 dan 4, Akta 225 Majlis Peperiksaan Malaysia 1980, Kaedah Majlis Peperiksaan Malaysia (Tatacara dalam Kes Salah Laku, 1986).

PERINGATAN

- 1 Angka giliran dan pusat peperiksaan bertulis anda adalah seperti yang tercatat dalam **LPKC/1** atau **LPKC/2**.
- 2 Calon yang telah diluluskan perpindahan pusat peperiksaannya dan diberi **LPKC/2** mestilah mengambil peperiksaan tersebut di pusat yang baru dengan menggunakan nombor pusat dan angka giliran seperti yang tercatat dalam **LPKC/2**, **bukan LPKC/1**.
- 3 Calon yang memohon perpindahan pusat peperiksaan tetapi belum mendapat **LPKC/2** hendaklah menghubungi Jabatan Pelajaran Negeri atau Majlis Peperiksaan Malaysia tidak lewat daripada **8 September 2009** (bagi calon Ujian Lisan Bahasa Arab) atau **5 Oktober 2009** (bagi peperiksaan bertulis).

PENGAKUAN OLEH CALON

(SILA SERAHKAN KERATAN INI KEPADA KETUA PENGAWAS PADA HARI PERTAMA PEPERIKSAAN ANDA)

Saya No. Kad Pengenalan
yang menduduki peperiksaan STPM 2009 dengan Angka Giliran
dengan sesungguhnya mengaku telah membaca dan memahami semua **ARAHAN KEPADA CALON, AMARAN,** dan **PERINGATAN** yang tercatat dalam Jadual Waktu Peperiksaan STPM 2009 dan saya bersetuju mematuhi.

.....
Tandatangan Calon

..... Potong di sini

JADUAL WAKTU UJIAN LISAN BAHASA ARAB STPM 2009			
TARIKH	WAKTU	KERTAS	CATATAN
15 September (Selasa)	8:00 pagi	913/3 Bahasa Arab 3 (Ujian Lisan)	<i>Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri akan menghubungi calon persendirian individu untuk memaklumkan tempat, tarikh, dan waktu ujian ini.</i> <i>Calon persendirian individu yang terlibat dikehendaki menghubungi Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan Jabatan Pelajaran Negeri masing-masing jika tidak menerima pemakluman tersebut hingga 8 September 2009.</i>
16 September (Rabu)			
17 September (Khamis)			
28 September (Isnin)			
29 September (Selasa)			
30 September (Rabu)			

JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS STPM 2009

TARIKH	WAKTU	KOD	KERTAS	MASA
18 November (Rabu)	8:00 pg – 11:00 pg	911/1	Bahasa Cina 1	3 jam
	8:00 pg – 11:00 pg	912/1	Bahasa Tamil 1	3 jam
	8:00 pg – 11:00 pg	930/1	Syariah 1 (Fikah dan Usul Fikah)	3 jam
	2:00 ptg – 4:30 ptg	958/1	Computing 1	2½ jam
	2:00 ptg – 4:00 ptg	970/4	Seni Visual 4 (Teori Penghasilan Karya)	2 jam
19 November (Khamis)	8:00 pg – 11:00 pg	913/1	Bahasa Arab 1	3 jam
	8:00 pg – 9:00 pg	960/4	Physics 4 (Written Practical Test)	1 jam
	8:00 pg – 11:00 pg	966/1	Sains Sukan 1	3 jam
	2:00 ptg – 5:00 ptg	948/1	Perakaunan 1	3 jam
	2:00 ptg – 4:30 ptg	964/2	Biology 2 (Structure and Essay)	2½ jam
23 November (Isnin)	8:00 pg – 11:00 pg	900/2	Pengajian Am 2 (Esei)	3 jam
	2:00 ptg – 5:00 ptg	911/2	Bahasa Cina 2	3 jam
	2:00 ptg – 5:00 ptg	912/2	Bahasa Tamil 2	3 jam
	2:00 ptg – 5:00 ptg	930/2	Syariah 2 (Ayat Ahkam dan Hadis Ahkam)	3 jam
24 November (Selasa)	8:00 pg – 11:00 pg	922/1	Kesusasteraan Melayu 1 (Kesusasteraan Melayu Tradisional)	3 jam
	8:00 pg – 10:30 pg	962/2	Chemistry 2 (Structure and Essay)	2½ jam
	2:00 ptg – 5:00 ptg	940/1	Sejarah 1 (Tamadun Dunia hingga Tahun 1800)	3 jam
25 November (Rabu)	8:00 pg – 11:00 pg	913/2	Bahasa Arab 2	3 jam
	8:00 pg – 11:00 pg	950/1	*Mathematics S 1	3 jam
	8:00 pg – 11:00 pg	954/1	*Mathematics T 1	3 jam
	2:00 ptg – 5:00 ptg	920/1	Literature in English 1 (Shakespeare and Other British Writers)	3 jam
	2:00 ptg – 5:00 ptg	931/1	Usuluddin 1 (Tauhid dan Mantik)	3 jam
26 November (Khamis)	8:00 pg – 11:00 pg	910/2	Bahasa Malaysia 2 (Esei)	3 jam
	2:00 ptg – 5:00 ptg	946/1	Pengajian Perniagaan 1	3 jam
	2:00 ptg – 5:00 ptg	956/1	Further Mathematics T 1	3 jam

Catatan:

- Garis tegak di sebelah nama kertas menunjukkan calon **tidak** boleh mengambil lebih daripada satu kertas dalam kumpulan kertas yang berkenaan.
- *Bagi mata pelajaran Mathematics S, Mathematics T, Computing, Physics, Chemistry, dan Biology, kertas soalan adalah dalam dwibahasa, iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Calon dibenarkan menulis jawapan dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia.

JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS STPM 2009

TARIKH	WAKTU	KOD	KERTAS	MASA
30 November (Isnin)	8:00 pg – 11:00 pg	940/2	Sejarah 2 (Sejarah Malaysia, Asia Tenggara, Asia Selatan, dan Asia Timur, 1800 - 1963)	3 jam
	8:00 pg – 10:30 pg	960/2	Physics 2 (Structure and Essay)	2½ jam
	2:00 ptg – 5:00 ptg	944/1	Ekonomi 1 (Mikroekonomi)	3 jam
1 Disember (Selasa)	8:00 pg – 11:00 pg	942/1	Geografi 1 (Alam Sekitar Fizikal)	3 jam
	2:00 ptg – 5:00 ptg 2:00 ptg – 5:00 ptg	950/2 954/2	*Mathematics S 2 *Mathematics T 2	3 jam 3 jam
2 Disember (Rabu)	8:00 pg – 9:00 pg	964/4	Biology 4 (Written Practical Test)	1 jam
	8:00 pg – 11:00 pg	970/2	Seni Visual 2 (Lukisan)	3 jam
	2:00 ptg – 5:00 ptg	944/2	Ekonomi 2 (Makroekonomi)	3 jam
3 Disember (Khamis)	8:00 pg – 11:00 pg	946/2	Pengajian Perniagaan 2	3 jam
	2:00 ptg – 5:00 ptg 2:00 ptg – 5:00 ptg	942/2 956/2	Geografi 2 (Alam Sekitar Manusia) Further Mathematics T 2	3 jam 3 jam
7 Disember (Isnin)	8:00 pg – 11:00 pg	931/2	Usuluddin 2 (Ulum Al-Quran dan Ulum Al-Hadis)	3 jam
	8:00 pg – 11:00 pg	948/2	Perakaunan 2	3 jam
	2:00 ptg – 5:00 ptg 2:00 ptg – 3:45 ptg	922/2 964/1	Kesusasteraan Melayu 2 (Kesusasteraan Melayu Moden) Biology 1 (Multiple- choice)	3 jam 1¾ jam
8 Disember (Selasa)	8:00 pg – 11:00 pg	920/2	Literature in English 2 (New Literatures in English)	3 jam
	8:00 pg – 10:30 pg	958/2	Computing 2	2½ jam
9 Disember (Rabu)	2:00 ptg – 3:00 ptg	962/4	Chemistry 4 (Written Practical Test)	1 jam
	2:00 ptg – 5:00 ptg	970/1	Seni Visual 1 (Teori Seni Visual)	3 jam
	8:00 pg – 9:45 pg	960/1	Physics 1 (Multiple- choice)	1¾ jam
10 Disember (Khamis)	8:00 pg – 11:00 pg	966/2	Sains Sukan 2	3 jam
	2:00 ptg – 4:00 ptg	900/1	Pengajian Am 1 (Aneka Pilihan)	2 jam
10 Disember (Khamis)	8:00 pg – 9:45 pg	962/1	Chemistry 1 (Multiple- choice)	1¾ jam
	2:00 ptg – 4:00 ptg	910/1	Bahasa Malaysia 1 (Aneka Pilihan)	2 jam

Catatan:

- Garis tegak di sebelah nama kertas menunjukkan calon **tidak** boleh mengambil lebih daripada satu kertas dalam kumpulan kertas yang berkenaan.
- *Bagi mata pelajaran Mathematics S, Mathematics T, Computing, Physics, Chemistry, dan Biology, kertas soalan adalah dalam dwibahasa, iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Calon dibenarkan menulis jawapan dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia.